

# Konsep giliran KM tidak bermakna bebas

KOTA KINABALU 21 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, konsep bergilir-gilir menjadi Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga kaum terbesar, bukan bermakna mereka bebas melakukan apa sahaja yang mereka mahu.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, konsep tersebut begitu praktikal dilaksanakan di Sabah yang bercorak kepimpinan tiga pihak serta saling bantu membantu sesama sendiri.

"Bukan bermakna satu orang menjadi Ketua Me-

nteri, dia bebas berbuat apa sahaja. Selepas itu orang lain pula yang menjadi Ketua Menteri, akan melakukan perkara yang sama," jelas beliau pada sidang akhbar di sini hari ini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu.

Beliau berkata demikian semasa ditanya sama ada konsep bergilir-gilir itu tidak akan dilaksanakan sekiranya Ketua Menteri sekarang (Datuk Mohd. Salleh Tun Said) menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

Konsep bergilir-gilir Ketua Menteri di kalangan tiga kaum terbesar iaitu bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina merupakan sebahagian daripada janji BN menjelang pilihanraya negeri Sabah, pada tahun lalu.

Ketua Menteri Sabah yang pertama berdasarkan konsep itu ialah Tan Sri Sakaran Dandai dari UMNO sebelum digantikan pula oleh Datuk Mohd. Salleh Tun Said pada akhir tahun lalu.

Mengikut konsep itu, tarikh akhir Salleh men-

jadi Ketua Menteri ialah pada 17 Mac 1996.

Perdana Menteri berkata, BN akur kepada janji yang telah dibuatnya (konsep bergilir) semasa pilihanraya negeri tahun lalu.

Ditanya sama ada konsep itu akan menimbulkan pelbagai masalah khususnya dari aspek pentadbiran, beliau berkata, sekiranya konsep tersebut diurus dengan baik, ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah.